

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERANAN SEORANG WANITA
Lokasi : MAJLIS "CITRA KASIH", INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN SOSIAL KWSP (ESSET)
Tarikh : 26-03-2002

Terlebih dahulu marilah kita mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan izinNya dapat kita berkumpul di Majlis 'Citra Kasih' pada petang ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Puan Sri Normah kerana sudi menjemput saya untuk bersama- sama di majlis pada petang ini.

2. Sebelum saya menyentuh lebih lanjut mengenai tajuk ceramah, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk melahirkan rasa gembira melihat PUSPANITA berkembang pesat dalam tempoh 20 tahun sejak pengenalannya sehingga menjadi satu pertubuhan yang aktif dan mampu mencapai objektifnya untuk meningkatkan pengetahuan, pendidikan dan kemahiran wanita, serta merapatkan hubungan di antara anggota wanita dalam Perkhidmatan Awam dengan isteri pegawai lelaki serta pertubuhan wanita yang lain. Wanita perlu bersatu dan mempunyai jaringan yang kuat di antara satu sama lain termasuk kerjasama dengan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Saya juga berharap wanita melalui pertubuhan-pertubuhan mengadakan lebih banyak program outreach untuk golongan yang memerlukan perhatian, bantuan kasih sayang dan motivasi. Dengan cara kolektif ini, peranan dan suara wanita akan lebih tersusun dan berkesan. Pemuafakatan melalui program bersepadu akan menghasilkan kejayaan dan kekuatan, pemantapan dan kesepaduan wanita.

3. Banyak yang diperkatakan orang tentang "alaf baru". Ungkapan "alaf baru" kini menjadi klise (cliche) harian hinggalah kadangkala orang yang membicarakan tentangnya sendiri langsung tidak menghiraukan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan ungkapan tersebut. Ada yang memahami alaf baru sebagai kedatangan suatu zaman yang menjanjikan kelainan daripada abad, kurun dan alaf sebelumnya. Ketibaan alaf baru ditunggu dengan debaran dan berbagai-bagai telahan, pengharapan dan kemungkinan. Akan tetapi, bukan sedikit pula yang amat menanti-nantikan acara ketibaan alaf baru (much awaited event). Alaf baru diwarwarkan sebagai suatu dimensi baru waktu (new time dimension) yang membawa bersama- samanya berbagai kelainan. Alaf baru diandaikan, malah diyakini akan merombak banyak perkara daripada tuntutan pentakrifan dan penelitian semula asas dan cara melihat sesuatu perkara, sehinggalah kepada selok-belok kecekapan mengendalikan sesuatu urusan.

4. Antara ciri terpenting yang diketengahkan sebagai tonggak jati diri warga alaf baru, termasuk wanita, dalam urusan kehidupan seharian ialah keupayaan: i) mendepani dan menangani isu dan pengaruh globalisasi; ii) menguasai dan memanfaatkan teknologi komunikasi maklumat(ICT); dan iii) memahami serta menghayati ekonomi berasaskan ilmu (knowledge based economy).

5. Dalam konteks persaingan sengit dunia tanpa sempadan, kini kecekapan diukur pada keupayaan manusia mentakrif semula persekitaran, berani membuat anjakan serta merta kepada teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan kesanggupan merobah asas usniaga ekonomi kepada kekuatan penguasaan ilmu.

6. Alaf baru menuntut kecekapan warganya menelah dan menangani perubahan dengan menjadikan penguasaan dan penghayatan teknologi komunikasi maklumat sebagai budaya serta sebahagian sifat diri disamping menghargai kedudukan ilmu sebagai faktor penentu persaingan dan penguasaan masa depan. Kalau dahulu, seseorang sudah dikira berjaya sekiranya dapat menguasai tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira serta memanfaatkan kemahiran itu dalam urusan harian, namun zaman teknologi serba canggih kini menuntut supaya takrif kejayaan dianjakkan untuk turut mencakupi keupayaan mengendali komputer (computer literacy). Akan tetapi apabila kini orang memperkatakan tentang literasi sejagat atau global literacy, ianya membuka horizon kepada satu dimensi baru yang jauh lebih luas.

Demikianlah secara ringkas cabaran pada alaf baru ini yang perlu kita sedari dan hayati serta sentiasa membuka minda, berani dan bersedia untuk mengharunginya kerana mahu atau tidak, rela atau tidak, kita semua kini telahpun berada di alaf baru.

7. Sejak dunia Barat pada kurun ke sembilan belas mulai mengiktiraf kedudukan wanita dengan memberi mereka persamaan hak mengundi dalam pilihanraya, isu- isu berkaitan kedudukan dan peranan kaum wanita terus menerus mendapat perhatian serta hangat diperbincangkan. Daripada soal memperoleh peluang pendidikan untuk anak perempuan dan pendidikan non- formal untuk wanita dewasa, hinggalah kepada isu pekerjaan dan kerjaya, diskriminasi upah, peluang wanita di luar bandar, emansipasi dan penglibatan wanita dalam pembangunan, penglibatan wanita dalam politik dan lain-lain, isu wanita kerap mendominasi forum antarabangsa. Malah di banyak institusi pengajian tinggi luar negara, muncul kursus baru pengajian berkenaan wanita atau women's studies. Malah sejak awal tahun 1990an, terdapat pula siri penulisan autobiografi berkenaan wanita yang banyak menumpukan kepada aliran pemberontakan dari kalangan wanita, khususnya wanita di kawasan-kawasan Teluk, Timur Tengah, negeri China dan Benua Afrika, terhadap apa yang didakwa sebagai penindasan dan kezaliman ke atas wanita yang dipaksa mematuhi amalan dan adat lapuk, samada dari segi nilai sosio budaya mahupun agama.

8. Hal ini saya kemukakan agar peranan untuk memperjuangkan jaminan hak dan martabat untuk kaum wanita harus terus dipertingkatkan, wanita Malaysia tidak harus membiarkan diri terperangkap oleh sebarang kemungkinan maksud tersembunyi yang dihidangkan atas nama agenda wanita (women's agenda), penyertaan jantina (gender participation), pengupayaan wanita desa (rural women's empowerment) dan diskriminasi seks (sex discrimination).

9. Walaupun negara kita turut menandatangani konvensyen menentang diskriminasi terhadap kaum wanita, kita tidak harus kehilangan perspektif tentang kedudukan, peluang dan keistimewaan yang sedia ada dinikmati oleh kaum wanita khususnya sejak kemerdekaan negara. Wanita Malaysia jauh lebih bernasib baik, terbela dan dilindungi masyarakat dan undang-undang berbanding dengan wanita di banyak tempat lain, termasuk beberapa tempat di Barat yang menerusi bentuk layanan yang diberikan atau penampilan imej yang diperagakan, tampaknya jelas semakin merendahkan martabat kaum wanita.

10. Perspektif yang seimbang ini adalah merupakan teras kerana kedudukan wanita terlalu penting dalam kelangsungan hidup (life survival). Jika tidak masakan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. merakamkan peringatan demi peringatan bahawa " syurga terletak di bawah telapak kaki ibu" dan bahawa dalam mengimbangi hubungan kasih sayang antara seorang anak dengan ibu dan bapanya, anak selalu diberi pesanan supaya mengutamakan "ibumu, ibumu, ibumu..... kemudian ayahmu".

Demikianlah, pemahaman betul dan pentaksiran tepat nilai sosio-budaya dan agama akan menjamin kaum wanita di negara kita terus menikmati bukan sahaja hak-hak asasi, kebebasan hidup dan peluang meluas untuk berinteraksi, berkerjaya dan berperanan aktif dalam masyarakat dan pembangunan negara dengan selesa dan selamat, malah memperoleh kemuliaan, penghargaan dan penghormatan sebagaimana selayaknya.

11. Walaupun telah saya sebutkan diawal-awal tadi bahawa klise alaf baru seolah-olah membawa bersamanya arus yang merombak cara kita berfikir dan bertindak, namun kita juga dituntut agar bijak dan mampu menimbang, menyaring, membeza dan memilih antara yang prinsip dengan sampingan, antara hal yang boleh, mungkin dan wajar berubah atau diubah dengan hal yang tidak boleh, tidak mungkin dan tidak wajar berubah atau diubah. Kedatangan alaf baru tentunya tidak mungkin boleh dan tidak harus diizinkan mengubah peranan hakiki seorang wanita hingga menjadikannya berperanan sebagai seorang lelaki. Yang mungkin hanyalah pengubahsuaian cara atau kaedah untuk seorang wanita berperanan apabila berhadapan dengan apa yang dikatakan sebagai "tuntutan-tuntutan alaf baru".

12. Dalam hubungan pengubahsuaian cara atau kaedah berperanan bagi seseorang wanita, dimensi alaf baru menuntut pemahaman seseorang wanita bahawa : i) alaf baru menjanjikan pengaruh dan kesan globalisasi dimana hidup akan kian terdedah kepada berbagai-bagai pengaruh luar dan tidak lagi terbatas kepada unsur-unsur dalaman rumah atau lingkungan tempatan dan perkampungan; ii) pengaruh dan kesan globalisasi juga akan mengakibatkan pertembungan nilai dan institusi sosio- budaya tempatan, hanya kebijaksanaan akan menentukan terjalannya keharmonian antara tamadun, manakala kesilapan akan mencetuskan krisis; iii) pertemuan atau pertembungan globalisasi dengan nilai dan institusi sosio-budaya tempatan ini menuntut kebijaksanaan dan kecekapan kolektif wanita sebagai pembentuk syakhsiah anak-anak dan sebagai tonggak institusi kekeluargaan; iv) antara faktor yang bakal

menentukan keupayaan bersaing ialah penguasaan teknologi komunikasi maklumat dan ekonomi ilmu. Kegagalan menguasai teknologi dan ilmu akan kian melebarkan lagi jurang dan mengakibatkan ketinggalan dan keciciran; v) keupayaan bersaing akan banyak bergantung kepada ketangkasan bertindak dan kesanggupan merombak cara dan melakukan perubahan. Masa tidak lagi akan mengizinkan yang lembab dan yang lemah menentukan arah haluan destinasi; dan vi) dalam ketangkasan dan keberanian bertindak serta kesanggupan dan kesediaan untuk berubah, pemikiran dan penelitian perlu dilakukan dalam membuat pertimbangan mendalam, penyaringan saksama dan pemilihan teliti supaya natijah perubahan tidak merugikan kerana bukan segala-galanya harus berubah atau diizinkan berubah.

13. Sebagai kesimpulan, alaf baru sudah tentu menuntut wanita untuk turut serta menyumbang dalam pengurusan, pembangunan dan kemajuan negara. Dalam mengharungi dunia serba mencabar, wanita perlu menyediakan diri dari aspek persediaan mental, spiritual dan fizikal.

Kita perlu berganding bahu bagi memastikan masa depan bangsa dan negara akan terus terjamin. Untuk membina sebuah masyarakat moden dan bertamadun tinggi serta mencapai keluhuran budaya yang merangkumi segenap dimensi, wanita harus menangani alaf ini dengan jiwa yang kental, fizikal yang tangkas dan akal yang bijaksana. Hanya dengan paduan mantap ketiga-tiga unsur ini, kemajuan pembangunan negara yang berteraskan budaya bangsa Malaysia akan pasti tercapai, insyaallah.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.